

15/09/1998

Terima kasih badminton

mi Samad; Saufi Hamzah; Hussain Said; Wan Jailani Razak; Mohd Ali Majid `NEGARAKU' bergema buat kali pertama di Stadium Badminton Kuala Lumpur ketika tujuh wira negara berdiri megah selepas mengesahkan kejuaraan acara berpasukan.

Malah, badminton negara mampu mendabik dada seketika semalam. Bukan saja barisan lelakinya, malah skuad wanita yang selama ini terpinggir, hampir-hampir memiliki pingat emas.

Pada satu ketika, segelintir penonton yang tidak faham format liga satu pusingan yang digunakan, menyangka skuad wanita negara sudah memenangi emas dan hanya menyedari pingat perak dimenangi ketika melihat susunan pemenang berbeza di majlis penyampaian hadiah.

Ia adalah malam gemilang buat badminton negara apabila tiada siapa yang mampu memperkecil-kecilkan kemampuan pemain negara - lelaki dan wanita.

Selepas wanita memastikan pingat perak sebaik menundukkan Australia 5-0 malam tadi, detik gemilang skuad lelaki tercipta sesudah menumbangkan musuh tradisi, England, 4-1.

Lebih menarik kejayaan itu dicipta di depan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Sebaik Yong Hock Kin menyumbang mata pertama sesudah menumbangkan Darren hall 15-8, 15-4, suasana kemeriahan sudah terhasil oleh lebih 2,000 penonton - kehadiran paling ramai sejak acara ini bermula 9 September lalu.

Biarpun tanpa Ong Ewe Hock, enam pemain lain, termasuk lima yang beraksi buat kali pertama dalam Sukan Komanwel, tidak menghampakan barisan penyokong negara.

Pemain beregu, Yap Kim Hock, yang sebelum ini mengumumkan akan bersara selepas temasya ini, bagaimanapun enggan menyatakan sama ada terdapat sebarang perubahan sikap.

"Biarlah kejohanan ini tamat dulu. Selepas itu barulah kita bercakap mengenainya," katanya yang nampak sudah menemui semula sentuhannya ketika berpasangan dengan Cheah Soon Kit menundukkan Chris Hunt-Simon Archer 15-8, 15-5 sebelum skuad negara memberikan kemenangan percuma dalam perseorangan ketiga kepada England.

Pemain paling gembira tentunya Choong Tan Fook yang dijadualkan beraksi dalam acara beregu bersama Lee Wan Wah serta perseorangan ketiga.

"Saya cukup gembira. Sukar untuk digambarkan," katanya yang membantu mendapatkan mata kedua negara selepas menundukkan pasangan Julian Robertson-Nathan Robertson 15-12, 15-13 tetapi menyerahkan kemenangan percuma dalam perseorangan ketiga.

Ketika kemeriahan kejayaan terus dibawa ke sidang media, Soon Kit pantas meminta wartawan jangan memperkatakan soal wang ganjaran.

"Ini bukan masanya. Lebih baik kita tidak bercakap pasal itu. Takut ada yang salah faham kerana kami tetap bermain untuk negara," katanya.

Kejayaan semalam adalah pingat emas Sukan Komanwel keduanya selepas menjuarai acara beregu bersama Soo Beng Kiang empat tahun lalu.

Bagi jurulatih, Morten Frost Hansen, kemenangan itu cukup baik kerana berjaya membuktikan Malaysia adalah jagoan badminton Sukan Komanwel.

"Pemain bermain dengan cukup baik biarpun tekanan cukup tinggi. Bukan mudah untuk menjuarai sesuatu kejohanan apabila semua pihak meletakkan harapan yang tinggi," kata Frost.